

# UIAM terbit Ensiklopedia PM

BH 20/8/03

GOMBAK: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) akan melancarkan Ensiklopedia Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di kampus induknya, di sini pertengahan bulan depan.

Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UIAM, Prof Madya Dr Mohd Azmi Omar, berkata ensiklopedia 10 jilid itu akan dilancarkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Ensiklopedia dicetak sebuah syarikat penerbitan, Dar al Kitab yang berpusat di Mesir ini mengandungi lebih 100 teks ucapan Dr Mahathir mengenai Islam pada persidangan dalam dan luar negara sejak beliau menjadi Perdana Menteri hingga tahun lalu.

"Setiap set ensiklopedia ini

berharga antara RM1,200 dan RM2,000 berdasarkan versi, iaitu bahasa Inggeris dan Arab; bahasa Arab dan Inggeris. Ensiklopedia ini boleh ditempah selepas dilancarkan.

"Penghasilan ensiklopedia ini adalah hasrat Perdana Menteri sendiri dan beliau akan menandatangani pada majlis pelancaran nanti," katanya pada sidang media mengenai majlis konvokesyen ke-19 UIAM, di sini semalam.

Mohd Azmi menjelaskan, ensiklopedia dihasilkan dalam tempoh tiga bulan oleh jawatankuasa penterjemahan khas itu juga akan dilancarkan di Oxford University, United Kingdom, akhir bulan depan.

Dalam perkembangan lain, Mohd Azmi berkata, UIAM akan menubuhkan dua fakulti

dan sebuah institut baru bertaras sains yang menawarkan pelbagai program baru peringkat ijazah pertama, sarjana dan Doktor Falsafah (PhD).

Fakulti berkenaan ialah Kejururawatan dan Sains Bersekutu di Kampus Kuantan, manakala Institut Ilmu Alam Lautan dan Pengajian Marin di Pulau Tuba, Langkawi.

"Penubuhan dua fakulti dan institut baru itu sejajar matlamat UIAM melahirkan lebih ramai graduan berteraskan sains, selain menjadi universiti bertaraf antarabangsa.

"Bagi mencapai matlamat itu, UIAM sedang meningkatkan pengambilan pelajar bagi mengikuti program sains agar seimbang dengan sains sosial. Hingga kini, Fakulti Perubatan dan Sains di kampus Kuantan

mempunyai 600 pelajar yang mengikuti program Perubatan dan Farmasi," katanya.

Beliau berkata, kampus universiti itu di Kuantan akan dirasmikan Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah yang juga Ketua Perlembagaan UIAM, Disember ini.

Berikutan penubuhan dua fakulti itu, Mohd Azmi berkata, lapan program baru akan ditawarkan dengan 80 pelajar setiap program bagi pengambilan pertamanya tahun depan.

Bagi Institut Ilmu Alam Lautan dan Pengajian Marin pula, katanya, ia menawarkan program penyelidikan peringkat sarjana dan PhD mengkhusus lapan jurusan maritim dan samudera, juga akan membuat pengambilan pertama, tahun depan.